


# Tiada tolak ansur ruang udara dengan Singapura

BH- 4/7/2007

## Isu tak timbul selepas penarikan balik September 1998: Syed Hamid



Laporan Rohaniza Idris  
dan Mohamed Farid Noh

**K**UALA LUMPUR: Kerajaan tidak mengadakan sebarang rundingan dengan Singapura ketika ini untuk membenarkan jet pejuang republik berkenaan menggunakan ruang udara negara ini, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Katanya, Malaysia juga tidak pernah membenarkan Singapura menggunakan ruang udara negara ini selepas kebenaran berkenaan ditarik balik pada September 1998.

Justeru, beliau berkata, sehubungan itu, tidak timbul soal Malaysia bertolak ansur dengan Singapura dalam isu berkenaan.

"Malah tiada sebarang rundingan dimulakan buat masa ini mengenai isu itu," katanya menjawab soalan Datuk Abdul Halim Abdul Rahman (Pas-Pengkalan Chepa) yang ingin tahu sejauh mana kerajaan bertolak ansur dalam isu penggunaan ruang udara oleh jet pejuang Singapura dan status rundingan mengenai berhu-

bung perkara itu.

Syed Hamid menjelaskan dalam sebarang kejadian pencerobohan ruang udara, amaran akan dikeluarkan.

"Jika amaran itu tidak diendahkan, jet pejuang kita akan menghalau jet pejuang asing dari ruang udara negara. Selain itu, kita juga akan membuat bantahan secara diplomatik. Banyak cara yang boleh digunakan, sama ada kita nak berperang atau sebagainya," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Dr Mohamad Shahrum Osman (BN-Lipis) yang ingin tahu tindakan Malaysia sekiranya ruang udara negara diceroboh di Dewan Rakyat, semalam.

Sementara itu, pada sidang akhbar di lobi Parlimen, Syed Hamid berkata, Malaysia mempunyai perjanjian dengan Singapura untuk membuka ruang udara untuk kegunaan republik itu antara 1973 hingga 1998.

Katanya, bagaimanapun, pada September 1998, Malaysia membatalkan hak untuk jet pejuang republik itu menggunakan ruang udara negara.

"Sejak itu hingga sekarang, tiada lagi rundingan dimulakan untuk membuka ruang udara kita. Kalau ada pencerobohan, tentera udara kita akan mengambil tindakan menghalau dan memberi amaran," katanya.

Syed Hamid berkata, Malaysia juga mengamalkan cara diplomasi seki-

ranya mendapati ruang udara negara diceroboh bagi mengelak sebarang ketegangan antara negara terbabit.

Sementara itu, beliau berkata, Malaysia prihatin konflik membabitkan umat Islam di Selatan Thailand kerana ia memberi kesan kepada negara.

Katanya, kerajaan Thailand sendiri meminta bantuan Malaysia dalam mencari jalan penyelesaian konflik itu apabila ia dikemukakan semasa lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Thailand, Februari lalu.

"Kita bukan hanya bercakap, tetapi mengambil tindakan berhubung konflik di selatan negara berkenaan," katanya menjawab soalan tambahan

**“Malaysia mengamalkan cara diplomasi sekiranya mendapati ruang udara negara diceroboh bagi mengelak sebarang ketegangan”**

**Syed Hamid Albar**  
Menteri Luar

Abdul Fatah Harun (Pas-Rantau Panjang).

Abdul Fatah mendakwa cara kerajaan menangani isu di Selatan Thailand melemahkan semangat perjuangan Islam berusaha mendapatkan kemerdekaan dan hak mereka.

Beliau juga mendakwa Malaysia menimbulkan kegelisahan umat Islam dan orang Melayu Selatan Thailand apabila bersetuju bekerjasama dengan Kerajaan Thailand berhubung isu dua kerakyatan.

Syed Hamid berkata, Pas boleh membuat dakwaan dan menuduh kerajaan tidak adil walaupun sebenarnya Malaysia tidak mahu lebih ramai umat Islam di selatan Thailand menjadi mangsa.

"Yang Berhormat boleh bercakap, boleh mengatakan macam kita tak ambil tindakan, tak buat apa-apa atau melemahkan motivasi, tetapi kena lihat apa yang kita buat apabila melihat umat Islam di sana tidak mempunyai pembangunan ekonomi, peluang pekerjaan dan pendidikan.

"Kalau ikut cara Pas dalam menangani isu ini, lebih ramai rakyat Islam selatan Thailand akan menjadi mangsa dan berpindah ke negara kita. Jadi saya menganggap Yang Berhormat selaku wakil rakyat Pas seharusnya mengambil tindakan bertanggungjawab dalam hal ini dan bukan menyusahkan kita," katanya.